



JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

AGensi PEKERJAAN SWASTA DIDENDA RM33,000 KERANA MEREKRUT PEKERJA ASING TANPA LESEN

SELANGOR, 24 MAC 2025: Mahkamah Sesyen Shah Alam, Selangor telah menjatuhkan hukuman denda kepada sebuah agensi pekerjaan swasta kerana merekrut pekerja asing tanpa lesen.

Kesalahan dikesan ekoran satu pemeriksaan yang telah dijalankan oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) ke atas syarikat tersebut di Subang Jaya, Selangor. Hasil pemeriksaan mendapati majikan telah menjalankan aktiviti merekrut tanpa suatu lesen di bawah Seksyen 7(1) Akta Pekerjaan Swasta 1981 [Akta 246] dengan cara membawa masuk dua orang pekerja asing warganegara Bangladesh.

Oleh yang demikian, syarikat telah melakukan suatu kesalahan dibawah seksyen 7(2), Akta APS dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama dengan denda tidak melebihi RM200,000.00 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya. Syarikat telah mengubah pengakuan dan mengaku bersalah serta didenda RM33,000 atau dipenjara lapan bulan.

JTKSM menggesa agar pihak majikan dan agensi pekerjaan swasta agar sentiasa mematuhi undang-undang perburuhan negara bagi mengelakkan dikenakan tindakan perundangan.

**JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA
25 MAC 2025**